

'Ada golongan elit tak senang agenda tadbir urus, integriti'

Anwar dedah wacana, debat di Parlimen paling kurang bincang isu gejala rasuah

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan ada segelintir golongan elit di negara ini tidak senang dengan usaha kerajaan mewujudkan amalan tadbir urus yang baik serta berintegriti termasuk menolak rasuah.

Perdana Menteri berkata ia antaranya dicerminkan melalui perdebatan di Parlimen yang kurang membincangkan isu integriti, tadbir urus serta penolakan terhadap gejala rasuah.

"Polemik, wacana dan debat di Parlimen paling kurang (disentuh) soal-soal ini (integriti). Kalau ada pun soal rasuah dan itu hanya dituju untuk satu-satu kes politik tetapi tidak ada sambutan," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Integriti Perdana Menteri & AIGA 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Aminudin Shari serta Pengerusi Kumpulan Media Pri-

ma Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid.

Perdana Menteri berkata isu tadbir urus dan integriti adalah penting kerana ia bukan sesuatu yang baharu dan ajaran Islam sendiri turut mengandungi persoalan membabitkan tadbir urus yang baik.

"Sudah dengar orang politika (bahawa) sistem sekarang ini ditolak kerana kerajaan hanya cukai orang miskin dan orang kaya diberi bantuan. Saya rasa ini dari kitab mana dia baca.

"Sebab itu pendidikan, pencerahan itu, soal tadbir urus dan integriti yang saya kaitkan dari segi pemerintahan keseluruhannya.

"Dari segi tadbir urus (dan) integriti, saya percaya, Ketua Setiausaha Negara ulas begitu baik dan ini termasuk (berkaitan) antirasuah.

"Seorang yang berintegriti sudah tentu seorang yang tidak korup manakala tadbir urus yang baik pada dasarnya bermaksud nilai-nilai yang baik, aspirasi kemanusiaan yang sewajarnya," katanya.

Masih ada ketirisan

Perdana Menteri berkata, biarpun usaha mempromosikan integriti dalam memerangi gejala rasuah sering dilaksanakan, masih ada lagi ketirisan dan kerugian yang terpaksa ditanggung negara.

Justeru, beliau menghargai usaha penguat kuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) yang berusaha membanteras ketirisan

hasil negara yang dilakukan segelintir pihak.

Beliau berkata hasil usaha agensi terbabit, negara memperoleh semula hasil dari kumpulan kartel, cukai tidak dibayar dan pelbagai sumber rasuah sehingga RM15.5 bilion.

"Bayangkan apa yang tak kena dengan sistem kita, kenapa setelah semua ini, propaganda dan mesej mengenai integriti, mengenai tadbir urus yang baik, mengenai antirasuah, kita masih ada kekurangan yang besar.

"Dua tahun kita dapat kumpul RM15.5 bilion. Apa yang jadi (kepada) wang itu sebelum ini, lima tahun lalu 10 tahun lalu, ke mana? Apakah ini saja atau ada lagi," katanya.

Perdana Menteri menegaskan usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara hebat perlu bermula dengan pengukuhan tadbir urus, integriti dan penolakan terhadap rasuah.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata kerangka MADANI yang digagaskannya menitikberatkan aspek tatakelola dalam setiap urus tadbir kerajaan sebagai teras utama pembangunan negara.

"Saya merayu kepada saudara saudari, (jika) mahu selamatkan diri kita, keluarga kita (dan) menjamin masa depan anak-anak kita dan jamin hebatnya negara Malaysia tercinta ini, ia mesti bermula dengan governans, integriti dan penolakan rasuah," katanya.

Pada majlis berkenaan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dinobatkan penerima Anugerah Perdana Menteri bagi sektor awam manakala Duopharma Biotech Bhd bagi sektor swasta.